



TAJUK : MURTAD DALAM ISLAM

DIPLOMA UNDANG-UNDANG
DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
ANTARABANGSA (UIA)

MUSHRIF : PROF. MADYA DR. MAHMUD
SAEDON AWANG OTHMAN

KULIAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIA)

DITULIS OLEH : MUSA BIN IBRAHIM
SESSI 1989 / 1990.

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY

Dr. Mahmud Saedon Awang Othman
Deputy Dean (Academic), Kull. of Law.

Date Received : *Aug 22 1990*

KESALAHAN MURTAD MENGIKUT ENAKMEN
PENTADBIRAN UGAMA ISLAM N. SEMBILAN
MASALAH DAN PENYELESAIAN.

=====

ISI KANDONGAN:

1. PENGENALAN.
2. PENGERTIAN MURTAD DALAM UNDANG-UNDANG / ISLAM.
3. MURTAD MENGIKUT PERUNTUKAN ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN.
4. PENDAPAT ULAMAK FIQAH DI DALAM MENENTU-KAN HUKUM MURTAD.
5. KES-KES YANG TELAH DISABITHKAN DI BAWAH ENAKMEN PENTADBIRAN NEGERI SEMBILAN.
6. KELEMAHAN DAN MENYELESAIKANNYA.

PENUTUP.

P E N G E N A L A N

Masalah murtad memang tidak asing lagi bagi Agama Islam, masyarakat Islam telah menyedari akan masalah ini.

Kewujudan murtad ini amatlah ditakui terutama kepada jenerasi-jenerasi muda mudi yang sedia ada ini.

Kegiatan dakwah Kristian kian merebak dan mereka terus menjalankan kegiatannya dan masyarakat amat senang menerimanya.

Undang-undang yang ada sekarang amat lemah sekali, yang seeloknya ada orang tertentu menjalankan peranan, atau orang tertentu untuk menyusun semula undang-undang tersebut agar berfungsi dan memberi faedah.

Definasi murtad itu perlu difahami dan disebarkan kepada umum agar setiap orang Islam berhati-hati bila bertindak atau bertutur membicarakan perkara yang berkaitan dengan hukum dan pegangan kepercayaan supaya ia tidak melanggar batas-batas yang ditegah oleh Islam yang boleh menyebabkan murtad.

Di dalam masa yang sama, ada diantara mereka yang melakukan perbuatan-perbuatan yang secara tidak langsung boleh menyebabkan murtad.

Tidak jelas mengapa undang-undang pentadbiran Islam tidak meletakan murtad itu sebagai satu kesalahan jenayah. Hal ini terjadi mungkin memandangkan hukuman murtad menurut Islam terlalu berat dan sukar dilaksanakan iaitu hukum bunuh.

PENGERTIAN MURTAD DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM

Di dalam Islam terdapat beberapa faktor yang diertikan dengan perkataan murtad antaranya ialah orang yang berpaling dari agama asalnya (Islam) kepada agama lain.

Boleh juga diakui atau dipakai bahawa murtad itu datangnya dari penyelewengan 'i'tiqad seseorang itu atau juga dari gerak geri perbuatan yang dilarang agama dan juga perkataan yang menduakan Tuhan!.

Di dalam maksud ayat Al Quran berbunyi 'Dan barang siapa diantara kamu berpaling dari pada agamanya (murtad) lalu ia mati padahal (tetap) kafir, maka gugurlah amalan-amalan mereka di dunia dan diakhirat dan mereka ialah ahli neraka yang mereka (akan) kekal di dalamnya'.

Mazhab Imam Arba'a : Berpendapat di dalam pengertian murtad ialah kufurnya seseorang Islam yang telah mengucap dua kalimah syahadah dengan kehendaknya sendiri serta melakukan dan berpegang teguh kepada hukum-hukum Islam.

Misalnya seseorang yang telah memeluk atau menganuti agama Islam secara sah dan pada satu ketika ia pun mengubah pendiriannya menukar agama Islam kepada agama asalnya, walaupun berkali mengatakan yang ianya tidak Islam lagi (keluar Islam), namun demikian ianya masih dianggap Islam oleh kerana prosesnya belum dibawa ke Mahkamah untuk menentukan atau untuk mengistiharkan yang ianya telah keluar Islam, dan kembali kepada agama asalnya.

Jika sekiranya ia mati sebelum pengistiharan atau proses Mahkamah maka ia dianggap masih Islam, tambahan kad pengenalannya masih nama Islam (belum diubah).

MURTAD MENGIKUT PERUNTUKAN ENAKMEN
PENTADBIRAN AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN.

Walaupun di dalam peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan tidak ditetapkan satu undang-undang murtad yang khusus terhadapnya, hanya disebut sebahagian daripada peraturan pen-daftaran muallaf tahun 1960 bilangan 10 berbunyi:-

Majlis hendaklah menyimpan satu daftar nama-nama orang-orang yang masuk agama Islam di dalam negeri ini beserta dengan butir-butir ken-yataan berkenaan dengan masuknya ke agama Islam sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan.
(Seksyen 138) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1960.

Seseorang tidak boleh diIslamkan dengan jalan lain daripada mengikut syarat-syarat daripada undang-undang ini atau sesuatu peraturan yang di-buat di bawahnya.

Enakmen Pentadbiran Negeri Sembilan tidak memperuntukan dengan begitu tepat cuma memaparkan dan menonjolkan atau memperakukan ke pihak Majlis kesatu tajuk muallaf.

Majlis bertanggungjawab di atas peruntukan undang-undang itu.

M U R T A D

Mereka yang meninggalkan agama Islam dikatakan murtad. Firman Allah Subhanahu Wataala:-

وَمَن يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنِ دِينِهِ فَيَمْتَهِنُهُ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبَطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ . (سورة البقرة 217)

Ertinya: Dan barang siapa diantara kamu ber-paling daripada agamanya (murtad) lalu ia mati padahal (tetap) kafir, maka gugurlah amalan-amalan mereka didunia dan akhirat dan mereka ialah ahli neraka yang mereka (akan) kekal di dalamnya.

Ini boleh terjadi samada dengan niat, kata-kata kufur atau perbuatan yang dilakukan, samada dengan cara bergurau atau enad (engkar).

Murtad terjadi hanya pada mereka yang waras, baligh, berakal dan dengan ikhtiar (tidak dengan paksa).

Kanak-kanak, orang gila atau yang dipaksa tidak sah riddahnya, walaupun ia melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan seseorang itu murtad.

Dari definasi ini ternyata bahawa mereka yang enggan mengerjakan rukun-rukun Islam seperti sembahyang, mengerjakan haji, puasa dan sebagainya boleh menjadi murtad dengan syarat ia engkarkan hukum yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Oleh itu seseorang yang tidak berpuasa atau tidak sembahyang kerana malas atau sengaja dengan tidak ada sebab padahal ia akur dengan kewajipan kedua-dua ibadah tersebut, maka ia tidak dihukum sebagai murtad.

Peristiwa murtad yang ulung dalam sejarah Islam terjadi dengan kewafatan Baginda Rasulullah s.a.w. Golongan yang ramai murtaf terdiri dari pada mereka yang baru memeluk Islam, kerana mereka-mereka itu tidak mempelajari Islam, terutamanya orang-orang Badwi yang jauh dari Madinah, mereka terbiar, oleh itu mudah menjadi murtad. Seperti firman Allah S.W.T.

قَالَتِ الْأَعْرَابُ إِنَّا قُلْ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا
وَلَمَّا يَدْخُلُ الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ . وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ
لَا يَلْتَكُمْ مِنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ
(سورة الحجرات 14)

Ertinya: Orang-Orang Arab Badwi itu berkata, kami telah beriman katakanlah (kepada mereka) kamu belum beriman, tetapi katakanlah kami telah tunduk kerana iman itu belum masuk dalam hati kamu, dan jika kamu taat kepada Allah dan RasulNya. Dia tidak mengu-

rangi sedikitpun amalanmu, sesungguhnya Allah amat Pengampun lagi Penyayang.

Jelas di sini bahawa murtad itu boleh terjadi kerana salah satu daripada tiga sebab.

I'tikad:

I'tikad yang menyebabkan seseorang menjadi murtad ialah :-

- a) Tidak mengakui tiada Tuhan melainkan Allah atau ia ragu-ragu tentang adanya dan keesaan Tuhan itu atau salah satu dari sifatNya.
- b) Tidak mengakui lagi atau masih ragu-ragu bahawa Muhammad itu utusan Allah (Rasulullah).
- c) Tidak mengakui lagi bahawa Al Quran itu dari Allah S.W.T. dengan Saidina Jibril seterusnya kepada Rasulullah s.a.w. atau ragu-ragu mempercayai salah satu dari ayat-ayat dan yang dinyatakan oleh Tuhan dalam Al Quran itu atau menghinanya seperti melemparkan ke dalam najis.
- d) Tidak mengakui adanya Malaikat dan segala yang diserahkan kepadanya.

- e) Tidak mengakui lagi bahawa hari Kiamat akan datang dan yang bersangkutan dengannya.
- f) Tidak percaya lagi Qada' dan Qadar dan tidak mengakui atau ragu-ragu mengikuti keputusan Ijmak Ulamak dan pada Sahabat-Sahabat Nabi s.a.w. dalam hukum agama.
- g) Menghalalkan barang yang diharamkan oleh syarak dan juga mengharamkan perkara yang halal disisi syarak.

Perbuatan:

Sepertimana seseorang yang memuja atau sujud kepada berhala, matahari, bulan dan sebagainya, demikian juga seseorang itu rukuk yang lain dari Allah dengan niat membesarkan objek tersebut sama seperti membesarkan Allah S.W.T. Perbuatan seperti ini adalah haram.

Perbuatan menunduk kepala kepada had se-kurang-kurangnya rukuk yang dilakukan sebagai adat kebiasaan adalah makruh, yang dimaksudkan rukuk itu ialah menundukan kepala itu dilakukan sekadar kedua belah tapak tangan mencapai kedua lutut bagi orang yang sederhana ukuran badannya.

Seseorang itu tidak dihukum murtad sekiranya dipaksa mengerjakan perbuatan tersebut atau menyebut perkataan-perkataan itu padahal hatinya

tetap beriman kepada Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T.

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أَكْرَهَ وَقُلْبُهُ
مُطْسَيٌّ بِالْإِيمَانِ وَلَا يُكَلِّنُ مِنْ شَرِحِ بَالِ الْكُفُرِ مَذْرًًا
فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِّنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ . (سورة النحل 106)

Ertinya: Barang siapa ia kafir kepada Allah se-sudah ia beriman kecuali orang yang terpaksa, sedangkan hatinya masih tetap beriman, tetapi terbuka dadanya kepada kekafiran maka murkalah Allah kepadanya, dan bagi mereka disediakan seksaan yang pedih.

Perkataan:

Menyebut sebutan dengan sengaja akan perkataan atau perkataan-perkataan yang bertentangan dengan hukum-hukum Islam, samada perkataan-perkataan itu berkaitan dengan hukum Ibadah, tauhid dan lain-lain perkataan-perkataan itu hendaklah jelas atau ditafsirkan yang boleh menjadi seseorang itu murtad seperti Allah itu berjasad dan mengatakan bahawa takdir dan ketentuan itu bukan datang dari Tuhan, demikian juga mengatakan Allah itu bukan satu melainkan dua tiga. Firman Allah S.W.T.

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ وَمَا مِنْ إِلَهٌ
إِلَّا إِلَهٌ وَاحِدٌ . (سورة المائدة 73)

Ertinya: Sesungguhnya telah kufur orang-orang yang mengatakan bahawa Allah itu ketiga daripada tiga, padahal tiada Tuhan melainkan Allah yang satu.

عَنْ أَبِي ذِئْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ (ص) يَقُولُ ،
مَنْ تَعَا رَجُلًا بِالْكُفْرِ أَوْ قَالَ عَمَّوْ اللَّهِ وَلَيْسَ كَذَلِكَ
بِالْأَصَارِ عَلَيْهِ .

Ertinya: Dari Abu Zarrin r.a. bahawasanya ia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, barang siapa yang memanggilkan seorang laki-laki dengan panggilan kafir atau berkata ia musuh Allah padahal ia bukan seperti dikatakan, melainkan kembali kata-kata itu kepada orang yang mengatakannya tadi.

Menurut Shikh Abd Kadir Audah, murtad boleh terjadi kerana keengganahan melaksanakan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh syariat dan digantikan dengan undang-undang ciptaan manusia, kerana asal kedudukan hukum dalam Islam hendaklah berdasarkan kepada ketetapan Allah, hukum lain adalah diharamkan.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN MURTAD

Faktor-faktor ini adalah bermaksud untuk perbincangan dan untuk menghuraikan segala gejala yang

boleh mengheret seseorang itu murtad. Antara faktor-faktor itu ialah kurangnya didikan agama, dan desakan hidup (desakan ekonomi) pujuhan orang-orang tertentu dengan janji-janji manis dan tipu helah yang menyebabkan seseorang terpengaruh. Gejala-gejala ini secara langsung boleh menjadikan iman seseorang itu terpesong, lebih-lebih lagi mereka yang kurang pelajaran agama.

Faktor lain ialah berkaitan dengan unsur-unsur dalaman yang menggesa, membisik dan mempengaruhi seseorang untuk meninggalkan apa yang seharusnya dilakukan oleh seseorang Islam yang akhirnya terus meninggalkan agama yang dianutinya (Islam) iman adalah nur, ia menjadi teguh dan kuat dengan amalan-amalan fardu dan sunat. Oleh kerana ianya bersifat murni, yang tidak dapat dirasa oleh tangan kasar, maka seseorang itu berhadapan dengan unsur-unsur dalaman yang bersifat metafizik juga yang sentiasa cuba memesongkan iman manusia, iaitu godaan dan tipu helah iblis dan syaitan.

Memahami latar belakang sejarah juga perlu dalam tujuan membahaskan tajuk di atas. Seseorang akan dapat memahami bagaimana pengaruh-pengaruh luar, iaitu pengaruh agama Kristian itu mula menjalar dan akhirnya bertapak di Tanah Melayu. Bertolak dari sinilah seseorang itu dapat memahami bagaimana wujudnya dua jenis Mahkamah yang berlainan fungsi dan bidang kuasa iaitu Mahkamah Sivil dan

Syariah. Melalui pemahaman sejarah seseorang dapat mempelajari segala bentuk teknik yang dilakukan secara langsung dan tidak langsung dalam tujuan menyebarkan agamanya yang akhirnya menjadikan setengah-setengah daripada orang Islam itu memandang remeh terhadap agamanya. Lalu menjadi golongan penganut agama yang berfikiran jumud, tidak produktif dan kurang rasa sensitif dengan masalah agamanya sendiri.

UNSUR-UNSUR DALAMAN

1. Didikan Agama:

Faktor utama berlakunya murtad ialah kerana tidak memahami hukum-hukum murtad yang telah ditentukan oleh Allah keatas orang yang murtad. Keadaan ini terjadi kerana mereka tidak mempelajari agama Islam, ataupun mempelajarinya tetapi tidak sampai kesatu tahap didikan yang diterimanya itu membentuk iman yang kukuh yang boleh mempertahankan diri dari pengaruh daiyah agama asing.

Sekiranya seorang itu memahami tentang murtad dan balasan yang akan diterima di akhirat kelak, seperti yang telah ditetapkan oleh Allah, seseorang itu tidak akan murtad walaupun tidak pernah sembahyang, tidak mengerjakan haji, walaupun dia seorang berkeupayaan, sentiasa membuat aniaya sesama manusia dan sebagainya. Ini terjadi kerana hukuman murtad itu ialah neraka jahanam

buat selama-lamanya. Bagi seorang Islam kalau dia mati dalam keadaan Islam, akhirnya dia akan masuk syurga juga satelah menerima balasan jahat akibat dosa-dosa yang dilakukannya.

Kalau ditinjau kembali keadaan orang-orang Islam semasa kewafatan Rasulullah s.a.w. kita dapati ramai diantara mereka-mereka telah murtad. dan ada pula mengaku sebagai Nabi, setengah daripada mereka menjadi pengikut munafikin.

Banyak faktor yang menyebabkan terjadinya peristiwa itu. Walaupun demikian, faktor tersebut tidak membuktikan bahawa murtad terjadi kerana ajaran Islam itu tidak sesuai dan sukar diamalkan oleh orang-orang Islam. Kebanyakan dari faktor-faktor tersebut lebih cenderung kepada persoalan yang berkaitan dengan kepentingan peribadi. Tetapi punca utama yang menyebabkan berlakunya peristiwa tersebut ialah kerana mereka tidak mengetahui selok-belok ajaran Islam kerana tidak mempelajarinya.

Mengenai mereka yang memaling diri dari mempelajari hukum-hukum yang berkaitan dengan ajaran Islam. Allah S.W.T. telah berfirman dalam surah Al-A'raf - Ayat 175.

وَتُلِّعَلَّهُمْ بِأَنَّهُمْ لَا يَتَّبِعُونَ مِنْهَا
فَأَتَبِعْهُمُ الْكَيْرَانُ فَكَانُوا مِنَ الْغَاسِقِينَ .

(سورة الأعراف 175)

Ertinya: Bacalah (wahai Muhammad) berita seseorang yang telah kami murniakan pengajaran-pengajaran kami lalu ia menghindarkan diri dari pengajaran-pengajaran itu. Maka akibatnya diikuti dan digoda syaitan dan kedudahannya ia tergolong dari mereka yang sesat.

Merujuk kepada perbuatan murtad di Malaysia ini ia boleh dikategorikan kepada dua bahagian:-

- a) Murtad di kalangan mereka yang didifinaskan sebagai Melayu menurut takrif perlembagaan.
- b) Murtad di kalangan saudara baru.

Murtad yang terjadi di kalangan jenis pertama (a) dibandingkan dengan mereka yang terdiri dari golongan kedua (b). Terlalu sedikit murtad dikalangan orang-orang Melayu kerana umumnya orang Melayu memahami bahawa perbuatan murtad adalah sesuatu jenayah yang tidak diampuni oleh Allah S.W.T.

Murtad di kalangan orang Melayu terjadi di kalangan anak-anak Melayu hasil daripada perkawinan yang melibatkan salah seorang dari kedua ibu bapa yang bukan orang Melayu, samada antara salah seorang daripada mereka bangsa India, China atau lain-lain. Keadaan ini sering terjadi kerana anak-anak ini kurang didedahkan atau langsung tidak dideakah kepada ajaran Islam. Hidup mereka lebih mirip kepada cara hidup yang dianggap moden yang

tidak menitik beratkan masalah agama, manakala kawan-kawan sepermainan mereka pula terdiri dari mereka yang bukan Islam.

Murtad di kalangan saudara baru ada dua jenis:-

- a) Saudara baru yang menulis atau melalui lisan memberitahu badan-badan tertentu seperti Pejabat-Pejabat Agama, Pejabat Besar Pendaftaran Malaysia, juga mereka yang menyatakan hasrat untuk keluar Islam kepada orang-orang tertentu yang biasanya terdiri Pegawai-Pegawai Pejabat Agama.
- b) Saudara baru yang kembali mengamalkan semula kehidupan lamanya seperti menyembah berhala, menyembah dewa-dewa atau apapun jenis amalan yang menyebabkan mereka murtad.

2) Dorongan Nafsu

Faktor-faktor murtad yang dijelaskan di atas adalah merupakan gejala dalaman yang boleh mengheret seseorang Islam itu terkeluar dari agamanya. Faktor-faktor ini adalah jelas dan dapat difikirkan bagaimana evolusi itu boleh terjadi yang akhirnya membawa kepada kesesatan. Kesesatan berpunca dari tidak memahami ajaran Islam semuanya ini menyebabkan seseorang itu tidak dapat menghayati ajaran Islam seperti yang seharusnya.

Dalam Al Quran dan hadis disebutkan bahwa Malaikat itu memberi ilham yang baik kepada manusia serta menimbulkan keteguhan semangat dan iman. Disebutkan juga tentang iblis dan syaitan yang membawa ilham buruk dan was-was kepada manusia. Ilham baik oleh Malaikat atau ilham buruk oleh iblis dan syaitan diberi pada roh bukan pada jasad kasar manusia. Pengaruh tersebut meresap dalam jiwa dan perasaan. Kenyataan ini disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al Tarmizi, An-Nasaiy dan Ibn Habban

إِنَّ لِلشَّيْطَانِ لَمَةً بَيْنَ أَدَمَ وَلِلْمَلَكِ لَمَةً . فَأَمَا لَمَةُ
الشَّيْطَانِ فَيَأْعُادُ بِالشَّرِّ وَتَكْذِيبُ بِالْحَقِّ . وَأَمَا لَمَةُ
الْمَلَكِ فَيَأْعُادُ بِالْخَيْرِ وَتَصْدِيقُ بِالْحَقِّ . فَمَنْ وَجَدَ ذَلِكَ
فَلَيَعْلَمْ أَنَّهُ مِنَ اللَّهِ فَلَيَحْمَدَ اللَّهَ عَلَى ذَلِكَ وَمَنْ وَجَدَ الْأُخْرَى
فَلَيَسْعُدَ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . ثُمَّ قَرَأَ : الشَّيْطَانُ
يُعِذِّبُكُمُ الْفَقَرَ وَيَأْمُرُكُمُ بِالْفَحْشَاءِ .

سورة البقرة 268

Ertinya: Sesungguhnya bagi syaitan itu gangguan terhadap anak Adam, dan lagi Malaikat pun ada juga. Adapun gangguan syaitan itu menambahkan kejahatan dan mendustakan kebenaran, dan sentuhan Malaikat itu ialah menjanjikan kebaikan dan menerima kebenaran. Maka barang siapa yang merasai demi-

kian itu, ia hendaklah mengetahui perkara tersebut adalah dari Allah, dan ia hendaklah berterima kasih di atas demikian itu, Tetapi kalau ia mendapati yang lain, ia hendaklah berlindung kepada Allah dari syaitan yang direjam, kemudian membaca ayat :-

الشَّيْطَانُ يَعِدُكُمُ الْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُمْ بِالْفَحْشَاءِ .

(سورة البقرة 268)

Ertinya: Syaitan berjanji kepada kamu kemelaratan dan menyuruh kamu membuat perkara yang keji-keji.

UNSUR-UNSUR LUARAN

1. Tekanan Hidup:

Desakan hidup yang dihadapi oleh seseorang itu mungkin boleh dikaitkan dengan faktor yang menghela kepada murtad. Sejarah telah membuktikan bahawa peperangan disebuah negara, samada peperangan yang terjadi dalam negeri ataupun peperangan yang berlaku di negara luar, seperti dengan negara jiran, boleh menyebabkan rakyat kehilangan moral, harga diri dan peribadi.

Peperangan yang berpanjangan yang menyebabkan deritaan tidak berakhir, rakyat tidak

berupaya memikir tentang agama, civilisation atau-pun rasa timbangrasa. Apa yang perlu mereka fikir ialah keselamatan diri dan cara bagaimana hendak mengisi perut kosong.

Dalam keadaan sedemikian rupa, para pengembang agama yang aktif yang menyusup masuk dengan mengambil anak-anak yang kehilangan penjaga atau merawat mereka yang tercedera, juga memberi bantuan mereka yang kelaparan, mudah menawan hati mereka yang menjadi mangsa.

Para pengembang agama ini mempunyai organisasi yang teratur dan perbelanjaan yang besar serta pengalaman dalam bidang missionary, sering mengambil kesempatan dari peperangan seumpama ini, lebih-lebih lagi kiranya peperangan tersebut terjadi di antara sebuah negara Islam dengan bukan Islam. Kejayaan ini menyebabkan ramai orang Islam murtad.

Faktor tekanan hidup yang boleh mengheret seseorang itu menjadi murtad berkait rapat dengan didikan agama yang dimiliki. Seseorang itu tidak akan keluar Islam walaupun dalam keadaan tekan, kalau ia tahu akibat dari perbuatan murtad menurut hukuman Allah. Dengan contoh ini sekali lagi kita diperlihatkan betapa pentingnya pendidikan agama pada diri seseorang. Ada orang yang hidup mewah tanpa mengalami tekanan hidup tetapi menjadi murtad diakibatkan juga tidak mempelajari agama.

Rangkaian tekanan hidup dan tidak adanya iman dapat memesongkan diri seseorang dengan mudah, lebih-lebih lagi kiranya ada gejala-gejala luar yang menghela kepadanya, muda-mudi yang tidak pernah melakukan perintah-perintah Allah, seperti sembahyang, puasa dan sebagainya, yang juga yang mempunyai pergaulan bebas, mungkin akan terpesong imannya, kalau ada tekanan atau pujuhan yang mempersonakan yang mendorong ia berbuat demikian, atau muda-mudi itu yang diam jauh dari keluarga dan tidak mempunyai asas didikan agama, mungkin mudah terlibat dengan skandal maksiat, memang ada lojiknya kalau iman orang yang seumpama ini mudah terpesong, malah baginya hidup seorang Islam atau bukan Islam tidak ada bezanya. Manakala amalan hariannya tidak langsung menggambarkan yang dirinya seorang Islam. Malahan kalau dikaji dari sudut lain, menjadi Kristian itu lebih menarik kerana mendapat wang, apatah lagi dengan janji-janji kenaikan pangkat.

Contoh ini juga menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan itu perlu supaya anak-anak sentiasa dalam pengawasan kedua ibu bapa. Segala masalah yang timbul dapat dilahirkan dan dibincangkan dengan orang yang seharusnya bersimpati dan dapat menolongnya.

2. Hubungan Kawan:

Dalam keadaan tertentu, kawan-kawan dapat mempengaruhi pegangan I'tikad seseorang. Anak-anak yang tidak diberi didikan agama

secukupnya, iman mereka boleh terpesong berpunca dari hubungan dengan kawan-kawan yang bukan beragama Islam, terutamanya yang beragama Kristian. Dalam hubungan seumpama ini mereka saling bantu membantu, saling meluahkan segala perasaan yang terpendam dan masalah yang dihadapi.

Dari sudut lain, akibat dari persahabatan yang rapat satu pihak secara langsung dan tidak langsung akan mempengaruhi pihak lain. Yang kuat mempengaruhi yang lemah akhirnya yang lemah tunduk mengikutinya, kerana yang kuat itu dianggap sebagai satu model yang menakjubkan.

Kerana itu mereka sentiasa mencari sesuatu yang boleh mengisi kekosongan yang seharusnya diperolehi dari kedua ibu bapa dan keluarga. Atas keperluan sedemikian rupa persahabatan yang bermula di sekolah mungkin akan berpanjangan ke rumah yang melibatkan kedua ibu bapa kawan yang tidak beragama Islam tadi. Bagi seorang anak yang i'tikadnya kosong tanpa pegangan agama dan kurang rasa cinta terhadap keluarga, kehidupan keluarga yang baru dikenali itu mungkin menarik hatinya yang akhirnya mungkin anak itu terpengaruh dengan agama yang di-anuti oleh mereka.

3. Kesan Sejarah:

Sejarah awal kemasukan agama Kristian di negara kita perlu difahami untuk mengetahui bagai-

mana agama tersebut mula diperkenalkan, terutama oleh Portugis dan Inggeris yang akhirnya bertapak sedikit demi sedikit melalui kegiatan dan para pengembangnya, melalui kuasa politik, juga pendidikan, disamping perang ideologi yang dilakukan secara halus dan sukar disedari.

Dalam keadaan tertentu teknik penyebaran agama Kristian itu ternyata begitu licin, yang dilakukan oleh orang yang berpengalaman serta bijak memainkan peranannya, menjadikan pengaruh tersebut bertapak tanpa disedari.

Kesan Islam yang begitu mendalam terhadap penduduk Tanah Melayu dapat dibuktikan melalui perlakuan sejarah. Agama Hindu dan Buddha hanya berjaya menampakkan pengaruh luarnya melalui kegiatan kebudayaan, sastera, juga lambang-lambang seni terhadap penduduk tempatan, tanpa berjaya memenagi akidah dan falsafah daya berfikir. Ini terjadi kerana rakyat jelata tidak memahami ajaran agama tersebut.

Malah pihak istana sendiri menganuti ajaran yang bersifat keagamaan itu tadi bukan atas keinsafan demi menghayati dengan ajarannya. Ia dianuti atau perasaan keghairahan terhadap konsep Diraja untuk mencontohi konsep Diraja yang wujud dalam ajaran Shiva-Hindu.